

MECD:LPKP/20/S/656/1 Jld. 3(1)



KERAJAAN MALAYSIA



LPKP

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN
KENDERAAN PERDAGANGAN
BIL. 10 TAHUN 2008**

**PENYELARASAN PROSES KERJA
SISTEM KENDERAAN PERDAGANGAN (SIKAP CR3)**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN
SEMENANJUNG MALAYSIA**

TARIKH : 31 DISEMBER 2008

PEKELILING LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN BIL. 10 TAHUN 2008

Semua Pelesen Kenderaan Perdagangan di bawah Akta LPKP 1987.

PENYELARASAN PROSES KERJA SISTEM KENDERAAN PERDAGANGAN (SIKAP CR3)

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pelesen kenderaan perdagangan di bawah Akta LPKP 1987 mengenai penyelarasan beberapa proses kerja pelesenan.

LATAR BELAKANG

2. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan telah mengenalpasti beberapa masalah berbangkit daripada proses pelesenan harian. Sehubungan dengan itu, beberapa siri perbincangan telah diadakan bagi menyelaraskan beberapa prosedur kerja dan pelesenan bagi meningkatkan sistem penyampaian.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

3. Mesyuarat Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Bil. 26/2008 pada 25 November 2008 telah bersetuju dengan perkara-perkara berikut :

- 3.1 **Bayaran kelulusan perubahan berkaitan maklumat syarikat seperti Ubahsyarat Ubah Ahli Lembaga Pengarah (ALP), Pemegang Ekuiti dan Alamat Syarikat** – bayaran hanya dikenakan bagi setiap proses permohonan (RM10) dan Surat Kelulusan (RM20) yang dikeluarkan. Walau bagaimanapun bagi setiap cetakan lesen, RM50 per lesen dikenakan seandainya melibatkan proses tersebut.
- 3.2 **Ubahsyarat Peringkat Tambang** – Permohonan Ubahsyarat Peringkat Tambang diproses menerusi Sistem Ubahsyarat. Bayaran akan dikenakan ke atas Proses Permohonan (RM10), Surat Kelulusan Ubahsyarat (RM20) dan Cop Pengesahan (RM10). Pelesen perlu menyediakan salinan *hardcopy* dan *softcopy* jadual tambang tersebut.
- 3.3 **Lesen Hilang** – Permohonan diproses menerusi Sistem Ubahsyarat. Pemohon perlu mengemukakan bersama Surat Akuan Sumpah sebagai akuan pengesahan kehilangan lesen. Cetakan semula lesen dibuat dan bayaran proses (RM10) dan cetakan lesen (RM50) dikenakan.
- 3.4 **Lesen Rosak** – Pemohon perlu mengemukakan lesen yang rosak ke LPKP. Lesen tersebut akan dicop dengan 'Cop Pengesahan Lesen Asal' seperti contoh dibawah untuk pengesahan bahawa lesen diakui

sebagai lesen asal. Lesen baru akan terus dicetak dan bayaran yang dikenakan adalah RM50 per lesen.

Cop pengesahan lesen asal

Tandatangan pelesen	:	
Nama Pelesen	:	
No. K/P	:	
Tarikh	:	

TARIKH KUAT KUASA

4. Pekeliling LPKP Bil. 10 Tahun 2008 berkuatkuasa mulai 1 Januari 2009.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEUSAHAWANAN KERJAYA PILIHAN”**



(DATIN NAIMAH BINTI RAMLI)

Setiausaha

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Semenanjung Malaysia
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

31 Disember 2008

Edaran Dalaman:

KSU

Pengerusi LPKP

TKSU (P)

Pengarah (LPKP) Wilayah Tengah

Pengarah (LPKP) Wilayah Timur

Pengarah (LPKP) Wilayah Utara

Pengarah (LPKP) Wilayah Selatan

KPP (LPKP) 1

KPP (LPKP) 2

KPP (LPKP) 3

Sila tampal pekeliling ini pada papan kenyataan di pejabat LPKP Wilayah